



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/11/140 (HQ)

UNITEN PERKENAL PROGRAM PENSIJILAN PROFESIONAL SAINS DATA

- untuk graduan yang mencari pekerjaan dan pekerja terjejas akibat COVID-19
- satu lagi inisiatif TNB dalam menyokong Pelan Pemulihan Negara

Tenaga Nasional Berhad (TNB), melalui UNITEN, merancang untuk memperkenalkan program pensijilan profesional sains data bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dan golongan yang hilang pekerjaan atau diberhentikan akibat pandemik COVID-19.

Memuji inisiatif tersebut, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa berkata program ini akan memastikan kumpulan sasar dapat “ditingkatkan kemahiran dan dilatih semula, seterusnya diambil bekerja apabila situasi bertambah baik.”

Program Pensijilan Profesional Sains Data akan ditawarkan melalui Institut Informatik dan Pengkomputeran Tenaga (IICE) UNITEN bersama rakan kongsi akademik dan industri universiti itu.

“Saya berbesar hati apabila mengetahui UNITEN merancang untuk melaksanakan program Pensijilan Profesional Sains Data ini yang merangkumi pemikiran komputasional menggunakan Teori Penyelesaian Masalah Inventif (TRIZ),” katanya ketika merasmikan Persidangan Informatik Visual Antarabangsa Ke-7 2021 (IVIC’21) di UNITEN Putrajaya, Selasa lalu (23 November).

Program sedemikian, kata Annuar, "akan menjadi pelaburan bermanfaat dalam membentuk generasi yang mampu berfikir secara kritis dan memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan bagi mendapatkan keputusan kreatif dan inovatif bukan sahaja berdasarkan analisis data, tetapi juga kebijaksanaan.”

Turut hadir pada majlis itu, Pengerusi TNB, Dato’ Sri Hasan Arifin; Ketua Pegawai Insan TNB, Wahizan Abdul Rahman dan Pengerusi IVIC’21 ke-7, Prof. Dato’ Dr Halimah Badioze Zaman.

Inisiatif melalui UNITEN ini merupakan langkah tambahan yang diambil TNB dalam menyokong Pelan Pemulihan Negara dengan menyediakan peluang pekerjaan dan program latihan kemahiran bagi mengurangkan pengangguran serta membantu pemulihan ekonomi negara. Matlamat ini sudahpun dilaksanakan melalui program TNB Reskilling Malaysia dan TNB Protégé.

Pada IVIC'21, Naib Canselor UNITEN, Prof Dato' Ir. Kamal Nasharuddin Mustapha berkata acara tiga hari yang berakhir Khamis itu mengumpulkan lebih 200 perwakilan dari 18 negara secara maya untuk berbincang mengenai Informatik Visual.

Katanya, berterusan menarik penyertaan pakar-pakar dalam bidang tersebut, IVIC kali ini mendapat rakan kerjasama teramai yang terdiri daripada 21 universiti dari dalam dan luar negara.

Beliau juga berkata bahawa ahli akademik, saintis dan penyelidik yang menghadiri persidangan itu mendapat manfaat daripada rangkaian dan sinergi yang akan membawa kepada penciptaan nilai dalam kalangan peserta serta manusia sejagat.

UNITEN, anak syarikat milik penuh TNB yang ditubuhkan pada 1997, telah melahirkan 35,403 graduan sejak 1998. Kadar kebolehpasaran graduannya pada tahun 2020 ialah 93% dengan 8.3% daripada mereka menjadi usahawan, sekali gus dapat pula mewujudkan peluang pekerjaan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 28 November 2021, jam 10:15 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary 019-3369681

/Grace Tan 016-6626229 / Fazreen 019-3160401

atau emel kami: media@tnb.com.my



Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa (duduk) menandatangani buku mengenai prosiding Persidangan Informatik Visual Antarabangsa Ke-7 2021 (IVIC'21) di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Putrajaya, Selasa lalu (23 November).

Turut hadir, Pengerusi TNB, Dato' Sri Hasan Arifin (dua kanan), Ketua Pegawai Insan TNB, Wahizan Abdul Rahman (paling kanan), Naib Canselor UNITEN Prof Datuk Ir Kamal

Nasharuddin Mustapha (dua kiri) dan Pengerusi IVIC'21 Prof Datuk Halimah Badioze Zaman (paling kiri).



Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa (kiri) diiringi Pengerusi TNB, Dato' Sri Hasan Arifin (kanan) dan Pengarah IICE, Profesor Madya Ts Dr Hazleen Aris, melawat tapak pameran selepas melancarkan Persidangan Informatik Visual Antarabangsa Ke-7 2021 di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Kajang, Selasa lalu (23 November).